

MENARA PNB 118

Binaan ikonik 40 peratus siap akhir tahun

➔ Park Hyatt Kuala Lumpur jadi penyewa pertama

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@nstp.com.my

Permodalan Nasional Bhd (PNB) menjangkakan projek menara ikoniknya, PNB 118 dapat siap dibina sehingga 40 peratus menjelang akhir tahun ini.

Pengerusi Kumpulannya, Tan Sri Abdul Wahid Omar, berkata sehingga kini projek menara setinggi 118 tingkat itu sudah menyiapkan lapan tingkat dengan jangkaan setiap tingkat dapat disiapkan setiap minggu.

"Semua kerja sub struktur sudah siap dan kami sudah pun memulakan kerja struktur utama. Menjelang akhir tahun ini, struktur bangunan akan dapat dilihat dengan lebih jelas," katanya.

Beliau berkata demikian

pada sidang media selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian di antara PNB Merdeka Venture Sdn Bhd dengan Hyatt Hotels Corporation.

PNB Merdeka Venture diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tengku Datuk Abdul Aziz Tengku Mahmud, manakala Hyatt Hotels oleh Presiden Kumpulan ASPAC, David Udell.

Menerusi perjanjian itu, Hyatt Hotels akan membawa masuk dan mengendalikan Park Hyatt Hotel Kuala Lumpur di menara berkenaan.

Hotel mewah lima bintang itu akan memulakan operasinya di 17 tingkat teratas menara terbit pada 2021.

Park Hyatt Kuala Lumpur juga adalah penyewa pertama dalam menara ikonik kepunyaan PNB Merdeka Ventures, anak syarikat

milik penuh PNB.

Hotel itu bakal menawarkan 232 unit bilik tetamu, termasuk 28 suite dan 30 pangapuri servis serta ruang persidangan seluas 20,000 kaki persegi.

Bangunan ketiga tertinggi

Mengulas lanjut, Abdul Wahid berkata, selain Park Hyatt, PNB akan mengisi 42 tingkat menara berkenaan manakala 14 tingkat untuk kemudahan améniti, empat tingkat untuk dek pemerhatian dan 41 tingkat lagi untuk disewa sebagai pejabat.

"Dengan PNB mengisi hampir separuh daripada menara ini, saya melihat tiada isu berlakunya lambakan ruang pejabat di Kuala Lumpur yang tidak diisi ataupun persaingan dengan bangunan pencakar langit yang lain seperti Menara 106 di Tun Razak Exchange," katanya.



Udell (kanan) dan Tengku Abdul Aziz menandatangani perjanjian di antara PNB Merdeka Venture Sdn Bhd dengan Hyatt Hotels Corporation, disaksikan Abdul Wahid dan Abdul Rahman (kiri).

Menara yang bakal menjadi bangunan ketiga tertinggi di dunia itu dibina dengan kos pembangunan kasar (GDC) berjumlah RM5 bilion.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif PNB, Datuk Abdul Rahman Ahmad, berkata pihaknya memilih Park Hyatt kerana ia bertepatan dengan ciri yang pihaknya mahukan.

"Kami mahukan hotel mewah bertaraf global kerana projek ini adalah projek pembangunan berkelasa dunia yang menjadi mercu tanda ikonik Malaysia.

"Kerana itu kami mencari pengendali hotel mewah bertaraf dunia dan Park Hyatt adalah peneraju industri ini dan jika anda pergi ke bandar raya utama di seluruh dunia sama ada di New York atau Tokyo, anda akan menemui jenama ini," katanya.

Untung bersih SP Setia RM1.07 bilion

Keuntungan bersih SP Setia meningkat sedikit kepada RM1.069 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 berbanding RM1.067 bilion yang dicatat pada 2016.

Ragaimanapun, perolehan susut kepada RM4.52 bilion daripada RM5.71 bilion pada 2016, kata SP Setia dalam satu pengumuman, semalam.

Kumpulan itu berjaya menyelesaikan pengambilalihan I&P Group Sdn Bhd pada 1 Disember 2017.

Kaedah pengumpulan kepentingan

"Memandangkan kumpulan telah menggunakan prinsip kaedah pengumpulan kepentingan, ini menyebabkan kumpulan yang diperbesarkan mencapai jualan sebanyak RM4.92 bilion untuk tahun kewangan 2017, yang mana jualan sebanyak RM859 juta diperoleh daripada Kumpulan I&P pada tahun itu," kata SP Setia.

SP Setia sendiri mencapai jualan sebanyak RM4.06 bilion yang melepasi sasaran jualan RM4 bilion.

Projek tempatan menyumbang RM2.55 bilion atau kira-kira 63 peratus daripada jualan manakala projek antarabangsa menyumbang RM1.51 bilion atau 37 peratus daripada jumlah jualan.

BERNAMA

Labai-Bhd meningkat 21.3 peratus

Keuntungan sebelum cukai I-Bhd meningkat 21.3 peratus kepada RM105.4 juta manakala pendapatannya pula meningkat 19.6 peratus kepada RM465.1 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember lalu.

Segmen pembangunan hartanahnya kekal sebagai penyumbang terbesar dengan RM413.7 juta atau 89 peratus daripada pendapatan kumpulan.

Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Lim Kim Hong, berkata segmen pembangunan hartanah akan terus menjadi penyumbang utama kepada masa depan syarikat melalui projek i-City, Shah Alam, Selangor.

Menyumbang pendapatan syarikat

"Pada penghujung 2017, hanya 24 peratus daripada keluasan lantai kasar (GFA) i-City sudah dibangunkan, menunjukkan masih banyak lagi GFA yang berpotensi dibangunkan, sekali gus menyumbang kepada pendapatan syarikat.

"Pada 2018 dan seterusnya, kami teruja dengan prospek pertumbuhan kumpulan. Kejayaan pelancaran dan pengambilan pembangunan Hilltop Residence @ i-City yang lebih tinggi pada tahun lalu pada harga penanda aras memberikan galakan hebat kepada i-City di tengah keraguan terhadap peningkatan harga hartanah," katanya dalam kenyataan.

Jualan belum dibilkan kumpulan pada 31 Disember 2017 berjumlah RM274.0 juta.

UEM Sunrise sasar jualan RM1.2 bilion

Pemaju hartanah, UEM Sunrise Bhd (UEM Sunrise) memasarkan jualan projek pembangunan hartanah RM1.2 bilion pada tahun ini.

Sasaran itu bakal diperoleh menerusi pelancaran beberapa projek pembangunan dengan nilai pembangunan kasar (GDV) keseluruhan sebanyak RM1 bilion.

Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutifnya, Anwar Syahrin Abdul Ajib, berkata untuk tahun ini, pihaknya akan memberi tumpuan kepada produk bagi pasaran pertengahan.

Katanya, UEM Sunrise merancang untuk melancarkan apartmen kediaman di bawah projek Rumah Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) yang dikenali sebagai Kondominium Kiara Kasih pada hujung Mac ini.

Selain itu, fasa baharu projek pembangunan Serene Heights

Bangi juga akan dilancarkan berkemungkinan pada suku ketiga tahun ini.

"Kami sedia maklum mengenai cabaran yang bakal dihadapi, namun masih kekal positif dan akan terus memanfaatkan strategi penting syarikat untuk tempoh 12 hingga 18 bulan berikutnya.

Sasar tanah baharu

"Kami juga akan terus mencari peluang untuk memiliki tanah yang sesuai bagi pembangunan perbandaran bersepadu di sekitar Lembah Klang," katanya pada sidang media selepas mengumumkan prestasi kewangan syarikat bagi tahun 2017 di Kuala Lumpur, semalam.

UEM Sunrise Bhd mencatat peningkatan pendapatan sebanyak 58 peratus kepada RM2.9 bilion pada tahun kewangan 2017 berbanding RM1.8 bilion

yang diperoleh tahun sebelumnya.

Prestasi itu adalah yang tertinggi pernah dicatatkan sejak penyenaraian syarikat berkenaan di Bursa Malaysia.

Pemaju hartanah itu juga mencatatkan keuntungan selepas cukai hampir sekali ganda pada tahun dikaji, iaitu RM280 juta daripada RM147.3 juta pada tahun 2016.

Mengulas lanjut, Anwar berkata pihaknya juga akan mempertimbangkan penjualan beberapa pemilikan tanah di Johor selaras dengan strateginya untuk mengimbangi portfolio pemilikan tanah syarikat berkenaan.

"Kami kini memiliki tanah seluas lebih 4,047 hektar di Johor dan akan menggunakan hasil jualan bagi pemilikan tanah di sekitar kawasan Lembah Klang," katanya.



Untuk tahun ini, UEM Sunrise memberi tumpuan kepada produk bagi pasaran pertengahan"

Anwar Syahrin Abdul Ajib,
Pengarah Urusan dan
Ketua Eksekutif UEM Sunrise